

BAB IX

KESIMPULAN DAN SARAN

1. KESIMPULAN

1.1. Warisan Nunuk Ragang

Kepercayaan tradisional masyarakat Kadazandusun di daerah Ranau Sabah Malaysia tidak banyak berbeza dengan sistem kepercayaan tradisional masyarakat peribumi di kebanyakan tempat di seluruh Malaysia. Umumnya, masyarakat tradisional menganut agama tradisional nusantara yang dianggap oleh sesetengah ahli antropologi sebagai agama *pra-Aryan*. Agama ini menganjurkan kepercayaan kepada satu kuasa yang agung. Kuasa ini adalah *Kinorohingan* dan isterinya *Suminundu* oleh masyarakat Kadazandusun.

Kepercayaan tentang tanah yang suci yang diberikan oleh Kinorohingan dan Suminundu kepada mereka iaitu *Pogun Lintanga* amat meyakinkan mereka tentang keberadaan kebudayaan Nunuk Ragang sebagai asal-usul mereka yang diberi kemuliaan oleh *Libabou* roh *Tana Mitumoang* (Kehidupan akhir). Kepercayaan tentang ayam jantan sakti menyeret kepada kepercayaan terhadap zat kekuatan dan kesaktian atau *mana* (Omen dalam bahasa tempatan) sebagaimana dalam pengorbanan ayam dalam upacara-upacara ritual. Selain itu, *Komburongoh* iaitu benda keramat (Benda-benda yang dipercayai memiliki omen yang tinggi dikumpulkan dalam satu rangkaian) sebagai satu simbol kekuatan gaib telah dikenal dan digunakan oleh Bobohizan dalam upacara religi dan *mogondi* sejak awal.

1.2. Warisan Gunung Kinabalu

Pengaruh lingkungan alam telah menjadi salah satu faktor pembentukan kebudayaan. Gunung Kinabalu sebagai satu monumen yang dicipta oleh tuhan mereka memberi pengertian religius yang amat mendalam kepada mereka. Suminundu isteri Kinorohingan telah menciptakan bumi, namun demikian bumi yang amat luas dipadatkan agar Kinorohingan tidak merasa malu dengan ciptaannya yang mana kemudiannya membentuk Gunung Kinabalu.

Dalam kepercayaan mereka, dikenal lambang-lambang kekuatan seperti naga iaitu ***Gayo Nakan***. Semangat makhluk ini hendaklah dihormati. Selain itu Gunung Kinabalu ini bagi masyarakat Kadazandusun dipercayai sebagai tempat perseadian roh nenek moyang mereka selepas kematian. ***Rused*** si mati atau roh akan memanjat Gunung Kinabalu. Rused akan dibersihkan kemudian kembali kepada penciptanya di Tana Mitumoung (Akhirat) dalam alam Libabou. Selain itu, Kematian juga adalah suatu tahap perubahan yang terpaksa dilalui oleh manusia dimana pada tahap ini, sifat rused si mati akan berubah daripada manusia kepada binatang. Rused juga akan ada yang mendiami segenap pelusuk alam semesta seperti hutan, gunung-gunung, sungai, gua dan bahagian bawah tanah. Ahli masyarakat dikehendaki menghormati rused-rused ini dan juga semangat-semangat lainnya seperti omen bagi menjaga keseimbangan dalam perhubungan antara manusia dengan kuasa gaib yang dipercayai wujud di sekeliling mereka. Kegagalan menjaga keseimbangan, akan mengancam kestabilan alam yang seterusnya menyebabkan bencana atau malapetaka atau dikenal sebagai ***tulah*** oleh mereka.

Upacara-upacara akan diadakan untuk meredahkan kemarahan semangat atau memujuk makhluk-makhluk ini supaya memberikan perlindungan dan menjauhkan dari kuasa jahat (*Rogon*) daripada membawa bencana kepada komuniti. Manusia boleh berhubungan dengan semangat-semangat ini melalui pelbagai cara seperti persembahan dimana semangat itu dijemput untuk berkenduri. Ada juga upacara-upacara di tempat suci. Semangat boleh ditemui melalui mimpi yang biasanya dijalankan oleh *Bobohizan* yang biasanya terdiri dari kaum wanita kerana memiliki jiwa yang halus dan berhati dingin. Ciri inilah yang membuatkan mereka dapat mendekati makhluk halus.

1.3. Warisan Kaamatan

Bambahazon sebagai semangat atau jiwa (Roh) yang menempati biji benih padi adalah satu bentuk kepercayaan animisme didalam kehidupan tradisional masyarakat Kadazandusun di daerah Ranau Sabah. Mereka percaya bahawa biji benih padi dan tumbuhan lainnya adalah berasal dari tubuh *Huminodun* iaitu anak kepada Kinorohingan dan Suminundu yang dikorbankan bagi menghasilkan biji benih tanaman. Dalam kepercayaan mereka, biji benih padi adalah dari serpihan daging *Huminodun* maka dari situlah kepercayaan bahawa wujudnya jiwa atau roh didalam biji benih tersebut.

Upacara *Momohizan* diadakan untuk memuja semangat Bambahazon dan menjemputnya berkenduri supaya membantu untuk menyuburkan padi dan

melindungi padi dari sebarang penyakit atau bencana alam. Babi dan ayam akan menjadi korban dalam upacara ritual ini.

1.4. Warisan Madsalud

Si Gondingon penjaga tali air menjadi sumber inspirasi bagi dilaksanakan upacara Madsalud yang sebenarnya memohon perlindungan kepada Si Gondingon agar tetap menjaga tanaman padi agar sentiasa subur dengan air yang tidak kering.

Sokong akan dipacakkan di setiap tali air sebagai simbol tempat tinggal Si Gondingon. Didalam upacara penghormatan, pengorbanan ayam sebagai binatang yang dipercayai memiliki mana atau omen yang tinggi berbanding dengan binatang lain telah menjadi ritus kepada masyarakat Kadazandusun di tanah persawahan.

1.5. Teori Andrew Lang Tentang Dewa Tertinggi

Didalam kepercayaan tradisional masyarakat Kadazandusun, pada awalnya telah mengenal kuasa yang agung atau kuasa tertinggi iaitu Kinorohingan dan isterinya Suminundu. Dalam teori *Andrew Lang*, ini dikenal sebagai *dewa tertinggi* yang ditemukan juga didalam mitologi bangsa-bangsa yang masih rendah tingkat kebudayaannya seperti suku Onan di Yahgan, nelayan bersahaja di kepulauan selatan Amerika Selatan, suku bangsa penduduk asil di Australia, penduduk pergunungan di Irian Jaya dan Papua Niugini, suku-suku bangsa Bushman di Gurun Kalahari di Afrika Selatan, suku-suku bangsa Negrito di daerah Sungai Kongo dan hutan rimba Kamerun di Afrika Tengah dan beberapa suku bangsa Indian di Amerika Utara.

Kepercayaan atau keyakinan seperti ini menurut Lang telah dibuktikan bukan akibat dari pengaruh agama Kristen ataupun Islam. Keyakinan kepada dewa tertinggi didalam religi suku suku bangsa tersebut sudah sangat tua, dan mungkin merupakan bentuk religi manusia yang tertua, yang kemudian terdesak ke belakang oleh keyakinan kepada makhluk-makhluk halus lain seperti dewa-dewa alam, roh nenek moyang, hantu dan lain-lain.

Ternyata teori Lang tentang Dewa Tertinggi masih terpakai didalam praktik kehidupan tradisional masyarakat Kadazandusun di Daerah Ranau Sabah Malaysia.

1.6. Kesimpulan Konseptual

1.6.1.Kebudayaan purba yang berlangsung sejak dahulu masih wujud di dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun di Daerah Ranau Sabah Malaysia.

1.6.2. Live Stiile masyarakat Kadazandusun muncul kerana dipengaruhi oleh konsep tradisional.

1.6.3. Lembaga kekuatan yang tertinggi adalah *Kinorohingan* dan isterinya *Suminundu*.

1.6.4. *Bambahazon* yang dipercayai sebagai jiwa di dalam biji benih padi, secara praktisnya bertindak sebagai Dewa Pertanian kepada masyarakat Kadazandusun.

Dengan demikian, kepercayaan yang masih dianut oleh masyarakat Kadazandusun disebabkan konsep tradisional yang dianuti turun-temurun.

2. SARAN

- 2.1. Adalah diharapkan agar, ada satu penelitian khusus yang lebih lanjut mengenai kehidupan kepercayaan tradisional masyarakat Kadazandusun di daerah Ranau Sabah Malaysia.
- 2.2. Adalah diharapkan agar, ada usaha-usaha pemerintah Negeri Sabah khususnya Jabatan Muhibah Negeri dan Institusi Pengajian Tinggi Tempatan untuk mengadakan penelitian yang bersifat sejarah lokal agar dapat mencerahkan kemerluk kebudayaan suku-suku bangsa peribumi yang masih kabur.
- 2.3. Adalah diharapkan agar, ada usaha-usaha KDCA (Kadazan Dusun Cultural Association) didalam memperkayakan penelitian, penulisan dan pencetakan buku-buku sejarah suku Kadazandusun yang kaya dengan kebudayaannya agar dapat meningkatkan pengetahuan generasi muda serta meningkatkan minat didalam sejarah.
- 2.4. Adalah diharapkan agar, diadakan tim penulisan sejarah tempatan agar dapat diwariskan kepada generasi muda yang semakin melupakan sejarah mereka disamping dapat memperkayakan karya ilmiah untuk kepentingan perkembangan ilmu pengetahuan.
- 2.5. Adalah diharapkan agar, usaha-usaha yang berterusan dilaksanakan didalam penelitian sejarah dengan adanya perhatian dari Pemerintah dan Badan-badan Bukan Pemerintah terutama didalam suntikan dana sepanjang usaha demikian.
- 2.6. Adalah diharapkan agar, Penulisan skripsi ini dapat memberikan penyuluhan yang rasional kepada generasi muda masyarakat Kadazandusun.